

## **Pahang Lancar Blueprint Pelan Strategik Alam Sekitar**

**KUANTAN, 14 SEPTEMBER 2022** : Pahang terus membuktikan komitmen berterusan terhadap penjagaan alam sekitar dengan pelancaran Blueprint Pelan Strategik Alam Sekitar.

YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, pelan berkenaan disasarkan sebagai salah satu garis panduan bagi perancangan pembangunan secara mampan dan mengekalkan kelestarian alam sekitar.

"Pahang sentiasa komited untuk menjaga alam sekitar, sebab itu kita mempunyai keluasan Hutan Simpanan Kekal seluas 1.59 juta hektar serta mengekalkan kawasan berhutan seluas 2.04 juta hektar, iaitu 57 peratus daripada luas kawasan di Negeri Pahang.

"Jadi Kerajaan Negeri mahu memastikan pengurusan alam sekitar di Negeri Pahang ini berada pada tahap yang optimum sekaligus melindungi habitat flora dan fauna kita daripada kepupusan.

"Penghasilan Pelan Pengurusan Strategik Alam Sekitar adalah penting dan signifikan bagi mengenal pasti permasalahan dan kekangan alam sekitar berdasarkan sektor-sektor utama di setiap daerah di negeri Pahang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Pelancaran Blueprint Pelan Pengurusan Strategik Alam Sekitar Negeri Pahang serta Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara University College of Yayasan Pahang (UCYP) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Dewan Utama Kompleks Yayasan Pahang.

Turut hadir Exco Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Haji Mohd Sharkar Haji Shamsudin serta barisan Exco Negeri Pahang, YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Dato'

Saiful Edris Zainuddin dan YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri Abu Bakar.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Naib Canselor UCYP, Profesor Emeritus Dato' Dr Ahmad Haji Zainuddin dan Pengarah Kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan, Profesor Dr Azmi Md Nor.

Dalam pada itu, Dato' Sri Haji Wan Rosdy berkata perjanjian persefahaman hari ini menunjukkan komitmen di mana Kerajaan Negeri meminta UCYP dan UIAM membantu memantapkan lagi penjagaan alam sekitar.

"Mereka akan membantu kita dari segi memberi pandangan, nasihat dan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri bagaimana kita dapat menjaga alam sekitar dengan lebih baik.

"Kita akan dapat berkongsi ilmu dan penyelidikan, di mana kita mendapat bantuan dari para cendekiawan," katanya. **-PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi Dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**Oleh : Fairus Mohd**

**Foto : Putera Falliq Hakim Suhairi**

(LIPUTAN BERGAMBAR)



